



Rujukan Kami : JUPEM 18/7/2.148 Jld.2 (**34**)

Tarikh:

31 Mei 2007

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 3 TAHUN 2007**

**PINDAAN KEPADA PEKELILING KPUP BIL. 3/2006
AKIBAT DARIPADA KUAT KUASA AKTA HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2007**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk meminda Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia (KPUP) Bil. 3/2006 bertarikh 29 Ogos 2006 bagi prosesan pecah bahagi bangunan akibat daripada pindaan Akta Hakmilik Strata (AHS) 1985.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] telah dipinda melalui Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2007 [Akta A1290] yang berkuat kuasa mulai 12 April 2007.

2.2 Peruntukan baru dan pindaan melalui Akta A1290 yang berkaitan adalah seperti berikut:-

2.2.1 Seksyen 2 bertujuan meminda tajuk panjang AHS 1985 bagi membenarkan tanah dipecahbahagikan kepada petak tanah.

2.2.2 Seksyen 5 bertujuan meminda seksyen 4 AHS 1985 untuk menggantikan takrif tertentu dan memasukkan takrif baru. Takrif yang terlibat adalah seperti berikut :

- i) 'bangunan khas' ertinya mana-mana bangunan yang diduduki sebelum Jun 1996.
- ii) takrif 'blok sementara' bagi perenggan (a) dipinda dengan memasukkan perkataan 'atas bangunan atau tanah' selepas perkataan 'atau sedang, didirikan'.
- iii) 'pelan tandaan' ertinya pelan yang menunjukkan tandaan petak tanah.
- iv) 'perakuan siap dan pematuhan' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].
- v) 'petak tanah' ertinya suatu unit yang terkandung dalamnya suatu tanah yang dipecahbahagikan yang di atasnya suatu bangunan sudah siap yang tidak lebih daripada empat tingkat yang dipegang di bawah suatu hakmilik strata.

2.2.3 Seksyen 6 bertujuan memasukkan seksyen baru 4A ke dalam AHS 1985 yang memperuntukkan mengenai permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata di Pejabat Pendaftaran Tanah.

2.2.4 Seksyen 7 bertujuan meminda tajuk Bahagian II AHS 1985 untuk memasukkan perkataan 'tanah'. Pindaan ini membolehkan tanah bersama dengan bangunan dipecahbahagikan kepada petak tanah.

2.2.5 Seksyen 8 bertujuan meminda seksyen 6 AHS 1985 untuk membolehkan bangunan berbilang tingkat atau dua atau lebih bangunan yang mempunyai tidak lebih daripada empat tingkat di atas lot yang sama untuk dipecahbahagikan kepada petak tanah bagi pengeluaran hakmilik strata. Pindaan ini dapat memenuhi keperluan konsep pembangunan perumahan Skim Komuniti Berpagar.

- 2.2.6 Seksyen 11 bertujuan meminda subseksyen 9(1) AHS 1985 untuk membenarkan suatu permohonan dibuat untuk mendapatkan hakmilik strata bagi bangunan yang telah diklasifikasikan di bawah Akta itu sebagai bangunan khas.
- 2.2.7 Seksyen 12 bertujuan meminda seksyen 10 AHS 1985 berhubung dengan pecah bahagi bangunan atau tanah berbangkit daripada pindaan seksyen 6 AHS 1985. Pindaan ini untuk membolehkan tanah bersama dengan bangunan dipecah bahagikan kepada petak tanah.
- 2.2.8 Seksyen 13 bertujuan meminda seksyen 10A AHS 1985 untuk menghalang tanah dimasukkan dalam permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata sementara.
- 2.2.9 Seksyen 15 bertujuan meminda seksyen 13 AHS 1985 yang antara lainnya memperuntukkan mengenai penandaan sempadan bagi petak tanah.
- 2.2.10 Seksyen 48 bertujuan meminda Jadual Pertama AHS 1985 iaitu antara lain menggantikan Borang 1, memasukkan borang baru iaitu Borang 1A dan juga menggantikan Borang 4 dan 4A.
- 2.3 Berdasarkan kepada Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2007, terdapat 3 (tiga) jenis permohonan yang boleh dibuat pecah bahagi bangunan iaitu permohonan melibatkan :
- i) bangunan sahaja.
 - ii) bangunan dan tanah.
 - iii) tanah sahaja.
- 2.4 Pekeliling KPUP Bil. 3/2006 hanya menerangkan tatacara prosesan kerja pecah bahagi bangunan yang melibatkan bangunan sahaja, justeru itu Jabatan perlu menyediakan pindaan dan juga mewujudkan peraturan baru bagi tatacara prosesan kerja pecah bahagi bangunan yang turut melibatkan tanah.

3. PINDAAN DAN TAMBAHAN

Susulan daripada pindaan dan peruntukan beberapa seksyen baru dalam AHS 1985 seperti di atas, beberapa pindaan dan tambahan ke atas Pekeliling KPUP Bil. 3/2006 hendaklah dibuat seperti berikut:

3.1 Pekeliling KPUP Bil. 3/2006 dipinda dengan memasukkan perkataan '**atau tanah**' selepas perkataan 'bangunan' di mana-mana terdapat perkataan tersebut.

3.2 Pekeliling KPUP Bil. 3/2006 dipinda dengan memasukkan perkataan '**atau petak tanah**' selepas perkataan 'petak' di mana-mana terdapat perkataan tersebut.

3.3 Para 2(i) Lampiran 'A' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

(i) Borang 1 atau 1A (AHS 1985) berserta jadual senarai petak atau petak tanah dan petak aksesori;

3.4 Para 2(ii) Lampiran 'A' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

(ii) Pelan strata termasuk pelan tandaan;

3.5 Para 2(x) Lampiran 'A' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

(x) Kiraan unit syer bagi petak atau petak tanah dan petak aksesori; dan

3.6 Para 10.1(ii) Lampiran 'A' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

(ii) dua salinan Borang 1 atau 1A (AHS 1985) berserta jadual senarai petak atau petak tanah dan petak aksesori;

3.7 Para 11.1.2 dan 11.1.3 Lampiran 'A' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

11.1.2 Tiap-tiap blok sementara hendaklah diperuntukkan dengan nombor mengikut siri dalam sesuatu skim strata dengan huruf awalan "P". Bagi blok sementara di atas bangunan, hendaklah diikuti dengan nombor bangunan dalam kurungan bagi menunjukkan hubung kait blok sementara dengan bangunan yang berkenaan.

11.1.3 Penomboran blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah disambung daripada skim asal (skim strata yang mana hakmilik strata sementara telah dikeluarkan) kecuali bagi blok/blok-blok sementara di atas bangunan di mana nombor bangunan asal hendaklah digunakan.

3.8 Menambahkan selepas para 11.2.1(iii) Lampiran 'A' seperti berikut:

(iv) Penomboran tingkat bagi blok/blok-blok sementara yang berada di atas bangunan hendaklah disambung daripada nombor tingkat bangunan asal.

3.9 Menambahkan para 11.3.3 kepada Lampiran 'A' seperti berikut:

11.3.3 Petak Tanah.

(i) Tiap-tiap petak tanah dalam sesuatu skim strata hendaklah diperuntukkan nombor mengikut siri dengan huruf awalan 'L'.

(ii) Hanya satu siri nombor petak tanah sahaja digunakan bagi setiap satu skim strata.

(iii) Setiap petak tanah hendaklah diperuntukkan dengan satu nombor bersiri secara sistematik.

(iv) Nombor petak tanah yang telah digunakan tidak boleh digunakan semula.

3.10 Menambahkan selepas para 13.1.3(viii) Lampiran 'A' seperti berikut:

(ix) sempadan dan nombor petak tanah, jika berkaitan.

3.11 Menggantikan sijil akuan juruukur tanah di para 13.1.4(i) dan 13.1.4(ii) dengan sijil akuan baru seperti berikut:

(i) “Menurut Seksyen 9(1)(a)(i) dan 9(2)(a) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan _____, petak tanah _____ dan blok sementara _____ adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot _____ Bandar/Pekan/Mukim _____, Seksyen _____ dan Daerah _____.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

atau;

(ii) “Menurut Seksyen 9(1)(a)(ii) dan 9(2)(a) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan langkan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan yang mengunjur ke suatu rizab jalan, bangunan _____, petak tanah _____ dan blok sementara _____ adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot _____ Bandar/Pekan/Mukim _____, Seksyen _____ dan Daerah _____.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Tandatangan dan cop rasmi”

3.12 Menambahkan para 13.4 dan 13.5 kepada Lampiran 'A' seperti berikut:

13.4 Pelan Tandaan.

13.4.1 Setiap pelan tandaan hendaklah mengandungi maklumat –

- (i) pelan tapakbina;**
- (ii) pelan petak tanah; dan**
- (iii) sijil perakuan oleh JTB.**

13.4.2 Pelan tapakbina hendaklah mengandungi maklumat seperti para 13.1.3.

13.4.3 Pelan petak tanah hendaklah dilukis mengikut skala dan hendaklah menunjukkan maklumat –

- (i) tajuk, skala dan penunjuk utara;**
- (ii) tanda-tanda sempadan dan sempadan petak tanah dengan bearing dan jarak;**
- (iii) ikatan yang mencukupi dengan bearing dan jarak dari sempadan lot kepada petak tanah;**
- (iv) nombor petak tanah;**
- (v) keluasan setiap petak tanah; dan**
- (vi) ofset bangunan pada setiap petak tanah.**

13.4.4 Sijil perakuan oleh JTB pada pelan tandaan adalah seperti berikut -

“Menurut Seksyen 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20_____

Tandatangan dan cop rasmi”

Nota-

Perakuan yang dibuat oleh JTB meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Jumlah petak tanah adalah betul.**
- (ii) Bilangan tingkat pada bangunan bagi setiap petak tanah adalah betul.**
- (iii) Setiap bangunan berada di dalam petak tanah dan tidak melebihi empat (4) tingkat.**

13.5 Penentuan Keluasan Petak Tanah.

Keluasan petak tanah hendaklah ditentukan berdasarkan kepada nilai ukuran dan ditunjukkan kepada meter persegi terhampir.

3.13 Menambahkan selepas para 14.4.1(vi) Lampiran 'A' seperti berikut:

(vii) pelan tandaan, jika berkaitan.

3.14 Para 14.4.2(iii) Lampiran 'A' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

(iii) maklumat seperti di para 13.1.3(ii) hingga 13.1.3(ix) dan 13.1.4; dan

3.15 Para 1.2 (iii) Lampiran 'B' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

(iii) Garis keliling tapak blok sementara mengikut pelan bangunan yang diluluskan hendaklah ditandakan di atas tanah dengan paip besi dan di atas bangunan dengan paku.

3.16 Menambahkan para 1.6 kepada Lampiran 'B' seperti berikut:

1.6 Mengukur Sempadan Petak Tanah.

- (i) Sempadan petak tanah adalah dimaksudkan sempadan yang wujud bagi petak-petak tanah sebaik sahaja arkitek membuat pengesahan bahawa bangunan telah dibina mengikut pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa.**
- (ii) Sempadan lot hendaklah diukur semula mengikut peraturan Jabatan.**
- (iii) Sempadan petak tanah hendaklah ditanda dan diukur mengikut peraturan Jabatan.**
- (iv) Sempadan petak tanah bagi bangunan berkembar/teres hendaklah diukur sebagai sempadan dinding dua tuan.**
- (v) Bangunan hendaklah disahkan berada sepenuhnya di dalam petak tanah.**
- (vi) Tanda sempadan yang digunakan hendaklah seperti yang diluluskan oleh Jabatan.**
- (vii) Keluasan setiap petak tanah hendaklah ditunjukkan kepada meter persegi terhampir.**

(viii) Semua perkiraan keluasan petak tanah hendaklah dalam format Jilid Kiraan dan perlu dimajukan ke JUPEM.

3.17 Para 2.1(i) Lampiran 'B' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

(i) Pelan strata adalah terdiri daripada pelan lokasi dan pelan tingkat (keratan tegak dan lantai bangunan) serta pelan tandaan, jika berkaitan.

3.18 Menambahkan para 3.8 hingga 3.10 kepada Lampiran 'B' seperti berikut:

3.8 Lot 644 – Blok Sementara P1(M1) dan P2(M3).

- (i) Pelan lokasi - Lihat Lampiran SP10.**
- (ii) Pelan tingkat - Lihat Lampiran SP11.**
- (iii) Pelan Akui - Lampiran PA19 – PA20.**

3.9 Lot 2678 – Bangunan M1 dan Petak Tanah L1 – L16.

- (i) Pelan lokasi - Lihat Lampiran SP1.**
- (ii) Pelan tingkat - Lihat Lampiran SP2 - SP6.**
- (iii) Pelan tandaan - Lampiran SP22 – SP23.**
- (iv) Pelan Akui - Lampiran PA21 – PA22.**

3.10 Lot 8571 – Petak Tanah L1 – L8.

- (i) Pelan tandaan - Lampiran SP24.**
- (ii) Pelan Akui - Lampiran PA23.**

3.19 Menggantikan Lampiran 'A1', 'A2', 'A4', 'A9' dan 'A11' sedia ada dengan Lampiran baru yang disertakan.

3.20 Para 2.9 Lampiran 'A14' hendaklah diganti dengan para baru berikut:

2.9 Butir Petak

a) No. Skim Strata Isikan nombor skim strata yang berkenaan.

- | | |
|-------------|--|
| b) Bangunan | Isikan nombor bangunan utama, ataupun blok sementara yang berkenaan. |
| c) Tingkat | Isikan nombor tingkat yang berkenaan. |
| d) Petak | Isikan nombor petak atau petak tanah yang berkenaan. |
| e) Aksesori | Isikan nombor petak aksesori yang berkenaan. |

4.0 TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa **mulai tarikh ianya dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada :

Agihan Dalam:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Agihan Luaran:

Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

**BORANG PENGHANTARAN PELAN STRATA
(PERINGKAT I)**

Pengarah Ukur

Tuan,

Rujukan JTB :

Rujukan LJT :

No. Lot : Mukim/Bandar/Seksyen Daerah

Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berikut untuk tindakan tuan:

Bil.	Perkara	Ada / Tiada (√ atau -)
(i)	Borang 1 atau 1A (AHS 1985) beserta senarai jadual petak atau petak tanah dan petak aksesori.	
(ii)	Pelan Strata termasuk pelan tandaan.	
(iii)	Pelan bangunan yang diluluskan.	
(vi)	Sijil arkitek/jurutera profesional yang berdaftar.	
(v)	Salinan hakmilik kekal atau salinan hakmilik sementara bersama salinan/nombor PA.	
(vi)	Permit ruang udara atau salinan surat permohonan permit ruang udara (jika berkenaan).	
(vii)	Borang LJT 12.	
(viii)	Sijil Akuan LJT.	
(ix)	Salinan buku kerjalar atau data kerjalar berdigit mengikut format JUPEM ASCII.	
(x)	Perkiraan unit syer bagi petak atau petak tanah dan petak aksesori.	
(xi)	Salinan surat perjanjian jual beli (jika perlu).	

Salinan asal dokumen di atas telah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah pada _____

Saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara-perkara berikut untuk pertimbangan.
(*Disisikan jika perlu*)

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

Saya mengesahkan serta bertanggungjawab bahawa:

- ◆ Semua dokumen yang dikemukakan di atas adalah teratur, lengkap dan memenuhi kehendak Akta Hakmilik Strata 1985.
- ◆ Lot tapak skim telah diukur semula dan semua sempadan telah ditandakan.
- ◆ Perkiraan unit syer telah dipersetujui oleh pemaju.

(Nama dan Tandatangan Juruukur Tanah Berlesen)

**SENARAI SEMAKAN AWAL (PERINGKAT I)
PERMOHONAN HAKMILIK STRATA**

NO. FAIL UKUR: _____

I	SEMAKAN SALINAN DOKUMEN	ADA/ TIADA (√/X)	TERATUR/ TIDAK (√/X)	CATATAN
1.	<p>Borang 1 atau 1A & Jadual Senarai Petak atau Petak Tanah.</p> <p>Jumlah petak atau petak tanah dan petak aksesori yang dinyatakan di Borang 1 atau 1A, Jadual Senarai Petak atau Petak Tanah dan Pelan Strata adalah sama.</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
2.	<p>Pelan strata termasuk pelan tandaan.</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	<p>2.1 Pelan Lokasi</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Sijil di pelan tapak bina menepati Sek. 9(1)(a)(i) dan 9(2)(a) AHS 1985 dan telah disahkan oleh juruukur tanah. ◆ Sijil di pelan keratan tegak bangunan menepati Sek. 10(1)(b)(i) AHS 1985 dan telah disahkan oleh juruukur tanah. 	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	<p>2.2 Sijil di pelan lantai menepati Sek. 10(1)(b) AHS 1985 dan telah disahkan oleh juruukur tanah.</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	<p>2.3 Sijil di pelan tandaan menepati Sek. 10(1)(b)(i) AHS 1985 dan telah disahkan oleh juruukur tanah.</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
3.	<p>1 set Pelan Bangunan / Pelan Bangunan Pindaan (jika berkaitan) yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
4.	<p>Sijil Perakuan oleh Arkitek Berdaftar/ Jurutera Profesional sebagaimana Sek. 9 (1)(b) atau oleh Arkitek Profesional/juruukur tanah sebagaimana Sek. 10(6A)(a) AHS 1985.</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____

- | | | | |
|----|---|--------------------------|--|
| 5. | Hakmilik Kekal atau | <input type="checkbox"/> | |
| | Hakmilik Sementara berserta salinan / nombor PA | <input type="checkbox"/> | |
| 6. | Permit Ruang Udara (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | |
| 7. | Borang LJT 12 | <input type="checkbox"/> | |
| 8. | Sijil Akuan LJT | <input type="checkbox"/> | |
| 9. | Buku Kerjalar | | |
| | ◆ Ukuran semula lot | <input type="checkbox"/> | |
| | ◆ Ukuran ofset bangunan | <input type="checkbox"/> | |
| | ◆ Ukuran tegak bangunan | <input type="checkbox"/> | |
| | ◆ Ukuran lantai | <input type="checkbox"/> | |
| | ◆ Ukuran petak tanah | <input type="checkbox"/> | |

	I SEMAKAN BANGUNAN	TERATUR/ TIDAK (√/X)	
--	---------------------------	-------------------------------------	--

- | | | | |
|----|---|--------------------------|--|
| 1. | Bangunan mempunyai dua tingkat atau lebih, jika terdapat bangunan satu tingkat ia hendaklah dalam skim yang sama. | <input type="checkbox"/> | |
| 2. | Keseluruhan bangunan atau petak tanah di dalam lot. | <input type="checkbox"/> | |
| 3. | Jalan masuk ke petak tidak melintasi petak lain dan jalan dalaman tidak melintasi harta bersama. | <input type="checkbox"/> | |
| 4. | Laluan yang terdapat di bangunan sama seperti yang ditunjukkan pada Pelan Strata dan Pelan Bangunan. | <input type="checkbox"/> | |
| 5. | Petak bertingkat mempunyai laluan dalaman. | <input type="checkbox"/> | |
| 6. | Harta bersama yang terdapat di bangunan di tunjukkan pada Pelan Cadangan Strata. | <input type="checkbox"/> | |
| 7. | Tingkat 1 pada bangunan sama seperti di Pelan Strata. | <input type="checkbox"/> | |
| 8. | Terdapat bangunan pada setiap petak tanah dan tidak melebihi 4 tingkat. | <input type="checkbox"/> | |

Tandatangan Pegawai: _____
 Nama: (_____)

Tarikh:

SENARAI SEMAKAN LANJUT (PERINGKAT I)
PERMOHONAN HAKMILIK STRATA

NO. FAIL UKUR: _____

Bil.	PERKARA	YA / TIDAK (√/X)	CATATAN
1.	Skala ditunjukkan.	<input type="checkbox"/>	_____
2.	Harta Bersama diwarnakan kuning.	<input type="checkbox"/>	_____
3.	Maklumat Harta Bersama yang berkaitan dengan laluan ke petak ditunjukkan.	<input type="checkbox"/>	_____
4.	Dimensi sempadan petak atau petak tanah dan petak aksesori ditunjukkan.	<input type="checkbox"/>	_____
5.	Nombor petak atau petak tanah dan petak aksesori ditunjukkan.	<input type="checkbox"/>	_____
6.	Keluasan petak atau petak tanah dan petak aksesori ditunjukkan.	<input type="checkbox"/>	_____
7.	Semua tajuk pelan lantai dan petunjuk utara ditunjukkan.	<input type="checkbox"/>	_____

Tandatangan Pegawai _____

Nama ()

Tarkh :

**SENARAI SEMAKAN AWAL PELAN AKUI STRATA
(PERINGKAT II)**

NO. FAIL UKUR: _____

NO. FAIL PTD/PTG: _____

Bil.	PERKARA	YA / TIDAK (✓ / X)	CATATAN
1.	Surat kelulusan PTG.	<input type="checkbox"/>	_____
2.	Bayaran menyemak permohonan strata dan penyediaan hakmilik telah dijelaskan.	<input type="checkbox"/>	_____
3.	Borang LJT 12 dan Sijil Akuan teratur (jika ada perubahan).	<input type="checkbox"/>	_____
4.	Data berdigit (ukuran semula lot) teratur.	<input type="checkbox"/>	_____
5.	Pelan Akui Strata		
	◆ Tajuk pada pelan tapak bina, pelan keratan tegak, pelan lantai dan pelan petak tanah mengikut peraturan.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Nota kaki termasuk no. PA(B) disediakan.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Sijil Perakuan jurukur tanah ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Pelan tapak bina dilengkapi dengan maklumat nombor lot, lot-lot bersebelahan serta kedudukan dan nombor pengenalan bagi bangunan dan blok sementara.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Pelan petak tanah dilengkapi dengan nombor petak tanah dan ofset bangunan.	<input type="checkbox"/>	_____

- ◆ Nombor tingkat dan nombor menara pada pelan keratan tegak ditunjukkan. _____

- ◆ Ketinggian tingkat ditunjukkan kepada hampir 0.1m. _____

- ◆ Petak atau petak tanah dan petak aksesori dinomborkan mengikut siri yang betul. _____

Tandatangan Pegawai _____

Nama ()

Tarkh :

**SENARAI SEMAKAN LANJUT PELAN AKUI STRATA
(PERINGKAT II)**

NO. FAIL UKUR: _____

NO. FAIL PTD/PTG: _____


Bil.	PERKARA	YA / TIDAK (√/X)	CATATAN
1.	Pelan Lantai menunjukkan:		
	◆ Petak dan petak aksesori bagi setiap tingkat.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Setiap petak adalah sama dengan pelan lantai yang diluluskan.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Dimensi sempadan setiap petak dan petak aksesori(kepada 0.1m terhampir), nombor petak dan nilai keluasan (kepada m. persegi terhampir).	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Maklumat harta bersama yang berkaitan dengan laluan ke petak.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Jadual Strata (jika berkaitan) disediakan.	<input type="checkbox"/>	_____
2.	Pelan petak tanah menunjukkan:		
	◆ Dimensi sempadan setiap petak tanah, nombor petak tanah dan nilai keluasan (kepada m. persegi terhampir).	<input type="checkbox"/>	
3.	Maklumat-maklumat lain:		
	◆ Nombor PA Strata dan nombor skim strata dicatatkan di atas PA lot tapak skim berkenaan.	<input type="checkbox"/>	_____
	◆ Daftar skim strata, daftar lot, daftar buku kerjalar dan peta kadaster dikemaskinikan.	<input type="checkbox"/>	_____
4.	PA baru bagi ukuran semula lot (jika berkaitan) disemak dan diluluskan.	<input type="checkbox"/>	_____

Tandatangan Pegawai _____


Nama ()

Tarikh :

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 BANDAR KUALA LUMPUR
 SEKSYEN 47
 LOT 644 (PA 100408)
 NOMBOR HAKMILIK G73
 LUAS LOT 644 = 9482m²
 SKALA 1 : 2000
 SKIM 168



KERATAN TEGAK BANGUNAN M1
 SKALA 1 : 400



JADUAL STRATA

Blok Sementara P1(M1) PA(B) 102007-01				
Cadangan				
Blok	Tingkat	Jumlah Petak	Petak Aksesori	Unit Syer
P1(M1)	1	10	-	80/2000
	2	10	-	
	3	10	-	
	4	10	-	

Saya, seorang juruukur tanah yang dilesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada.....haribulan.....20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarikh.....haribulan.....20.....

Juruukur Tanah Yang Dilesen di bawah Akta 458

FAIL UKUR PUBLWP 90-04

FAIL PT

FAIL PTG PTG WP 6/2345/04


LEMBAR PIAWAI 85-B-II-3

BK 2004

DILULUSKAN OLEH




PELAN LANTAI
 BANGUNAN BLOK SEMENTARA P1(M1)
 4 TINGKAT
 SEJUMLAH 40 PETAK
 SKALA 1 : 200




PA(B)102007-01

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 BANDAR KUALA LUMPUR
 SEKSYEN 47
 LOT 644 (PA 100408)
 NOMBOR HAKMILIK G73
 LUAS LOT 644 = 9482m²
 SKALA 1 : 2000
 SKIM 168



KERATAN TEGAK BANGUNAN M3 DAN BLOK SEMENTARA P2(M3)
 SKALA 1:200



JADUAL STRATA

Blok Sementara P2(M3) PA(B) 102007-02				
Cadangan				
Blok	Tingkat	Jumlah Petak	Petak Aksesori	Unit Syer
P2(M3)	5	10	-	80/2000
	6	10	-	
	7	10	-	
	8	10	-	

Saya, seorang juruukur tanah yang dilesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan padaharibulan20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarikh.....haribulan.....20.....

Juruukur Tanah Yang Dilesen di bawah Akta 458

FAIL UKUR PUBLWP 90-04

FAIL PT

FAIL PTG PTG WP 6/2345/04


LEMBAR PIAWAI 85-B-II-3

BK 2004

DILULUSKAN OLEH




PELAN LANTAI
 BANGUNAN BLOK SEMENTARA P2(M3)
 4 TINGKAT
 SEJUMLAH 40 PETAK
 SKALA 1 : 200



PELAN TANDAAN
PECAH BAHAGI BANGUNAN DAN TANAH
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
MUKIM BATU
LOT 2678 (PA 43400)
NOMBOR HAKMILIK = G 1300
KELUASAN LOT = 11292 m²

PELAN TAPAKBINA
SKALA 1 : 2000



"Merujuk Seksyen, 9(1) (a) (i) dan 9 (2) (a) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya seorang jurujuk tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan petak tanah dan blok sementara adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot Bandar/ Pekan / Mukim , Seksyen dan Daerah

Bertarikh haribulan 20.....


Tandatangan dan cop rasmi"

"Merujuk Seksyen, 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya.....seorang Jurukur Tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini dalam menepati pelan tersebut.

Bertarikh haribulan20


Tandatangan dan cop rasmi"

PELAN PETAK TANAH
PETAK L1 HINGGA L16
SKALA 1 : 400



PELAN TANDAAN

PECAH BAHAGI BANGUNAN DAN TANAH
 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 MUKIM BATU
 LOT 2678 (PA 43400)
 NOMBOR HAKMILIK = G 1300
 KELUASAN LOT = 11292 m²



"Merujuk Seksyen, 9(1) (a) (i) dan 9 (2) (a) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan petak tanah dan blok sementara adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot Bandar/ Pekan / Mukim , Seksyen dan Daerah"

Bertarikh haribulan 20.....

Tandatangan dan cop rasmi"


"Merujuk Seksyen, 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya.....seorang Juruukur Tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini dalam menepati pelan tersebut.

Bertarikh haribulan20


Tandatangan dan cop rasmi"

PELAN PETAK AKSESORI

DI LUAR BANGUNAN M1
 PETAK AKSESORI A1-A44
 SKALA 1 : 500



PELAN TANDAAN
PECAH BAHAGI TANAH
NEGERI SELANGOR
DAERAH HULU LANGAT
PEKAN KAJANG
LOT 8571 (PA 5353)
NOMBOR HAKMILIK G 1616
KELUASAN LOT = 3835 m²



"Merujuk Sekyen, 9(1)(a)(i) dan 9(2)(a) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang Jurukur Tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini dalam menepati pelan tersebut"

Bertarikh _____ hari/bulan _____ 20____


Jurukur Tanah Yang Dilesen Di bawah Akta 458 (Disemak 1991)"

PELAN PETAK TANAH
PETAK L1 HINGGA L8
SKALA 1 : 250


"Merujuk Sekyen, 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya _____ seorang Jurukur Tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini dalam menepati pelan tersebut"

Bertarikh _____ hari/bulan _____ 20____

Jurukur Tanah Yang Dilesen Di bawah Akta 458 (Disemak 1991)"




WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 MUKIM BATU
 LOT 2678 (PA 43400)
 NOMBOR HAKMILIK = G 1300
 KELUASAN LOT = 11292 m²
 SKALA 1 : 2000
 SKIM 100



PELAN PETAK TANAH
 PETAK L1 HINGGA L16
 SKALA 1 : 400

JADUAL STRATA

PETAK TANAH PA(B) 233641-01					
PETAK	PA(B)	UNIT SYER	PETAK	PA(B)	UNIT SYER
L1	233641-01	240/13000	L9	233641-01	248/13000
L2	233641-01	241/13000	L10	233641-01	249/13000
L3	233641-01	242/13000	L11	233641-01	250/13000
L4	233641-01	243/13000	L12	233641-01	251/13000
L5	233641-01	244/13000	L13	233641-01	252/13000
L6	233641-01	245/13000	L14	233641-01	253/13000
L7	233641-01	246/13000	L15	233641-01	254/13000
L8	233641-01	247/13000	L16	233641-01	255/13000



Saya,.....seorang Jurukur Tanah yang dilesan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Jurukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada.....haribulan.....20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini. Bertarikh.....

Jurukur Tanah Yang Dilesan di bawah Akta 458

FAIL UKUR: PUBL.WP.123/2007

FAIL PTG: PTG/WP.20/1234/2007


PETA KADASTER: 0380

BK: 2315

DILULUSKAN OLEH:

PA(B) 233641-01

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
 MUKIM BATU
 LOT 2678 (PA 43400)
 NOMBOR HAKMILIK = G 1300
 KELUASAN LOT = 11292 m²
 SKALA 1 : 2000
 SKIM 100



JADUAL STRATA

BANGUNAN M1 PA(B)233641-02 hingga PA(B) 233641-06					
TINGKAT	PETAK	PA(B)	PETAK AKSESORI	PA(B)	UNIT SYER
Kawasan di luar Bangunan M1	1	233641-03	A1,A2	233641-02	100/13000
	2		A3,A4		100/13000
	3		A5,A6		100/13000
	4		A7,A8		100/13000
	5		A9,A10		100/13000
	6	233641-04	A11,A12		100/13000
	7		A13,A14		100/13000
	8		A15,A16		100/13000
	9		A17,A18		100/13000
	10		A19,A20		100/13000
	11	233641-05	A21,A22		100/13000
	12		A23,A24		100/13000
	13		A25,A26		100/13000
	14		A27,A28		100/13000
	15		A29,A30		100/13000
	16	233641-06	A31,A32		100/13000
	17		A33,A34		100/13000
	18		A35,A36		100/13000
	19		A37,A38		100/13000
	20		A39,A40		100/13000
	21	233641-06	A41,A42		100/13000
	22		A43,A44		100/13000


PELAN PETAK AKSESORI
 DI LUAR BANGUNAN M1
 PETAK AKSESORI A1-A44
 SKALA 1 : 500

Saya seorang Juruukur Tanah yang dilesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada.....haribulan.....20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarik.....haribulan.....20.....

Juruukur Tanah Yang Dilesen Di Bawah Akta 458




FAIL UKUR: PUBL.WP.123/2007
 FAIL PTG: PTG/WP.20/1234/2007
 PETA KADASTER: 0380
 BK: 2315

DILULUSKAN OLEH:

PA(B) 233641-02

NEGERI SELANGOR
 DAERAH HULU LANGAT
 PEKAN KAJANG
 LOT 8571 (PA 5353)
 NOMBOR HAKMILIK G 1616
 KELUASAN LOT = 3835 m²
 SKALA 1 : 1000
 SKIM 775



Saya _____ seorang Jurukur Tanah yang dilenah di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1956 (Akta 456) memaparkan bahawa pengukuran di atas tanah ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semesta-mata mengikut Peraturan-peraturan Jurukur Tanah Berlesen, dan bahawa plan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah diumpukan pada _____ hari/bulan _____ 20_____.

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas setiap betulnya ukuran ini.

Bertarikh _____ hari/bulan _____ 20_____.

Jurukur Tanah Yang Dilenah Di Bawah Akta 456

FAIL UKUR PUBL(B)SEL 252/2006
 FAIL PTG PTG.SEL.51/1/1-G/2-06
 LEMBAR PAWAJ 102-A
 BK 35608 - 35618

DILULUSKAN OLEH

PA(B) 121691

JADUAL STRATA

PETAK TANAH PA(B)121691				
PETAK	PA(B)	PETAK AKSESORI	PA(B)	UNIT SYER
L1	121691	A3,A4	121691	282/2084
L2	121691	A1,A2	121691	280/2084
L3	121691	A5,A6	121691	261/2084
L4	121691	A7,A8	121691	257/2084
L5	121691	A9,A10	121691	262/2084
L6	121691	A11,A12	121691	258/2084
L7	121691	A13,A14	121691	262/2084
L8	121691	A15,A16	121691	262/2084



PELAN PETAK TANAH
 PETAK L1 HINGGA L8
 SKALA 1 : 250

1131
 PA 82431

1130
 PA 82431

964
 PA 84041

1129
 PA 82431

1128
 PA 82431

1127
 PA 82431

1135
 PA 82431